

**Shahrizat Yakin Pengundi Wanita Pilih BN Kerana Kesenambungan Pembangunan Bernama**  
**23 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 23 Julai (Bernama) -- Wanita Umno yakin pengundi wanita akan memilih Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil (PRK) Kuala Besut esok kerana sedar kesinambungan pembangunan dan kemajuan taraf hidup mereka terletak pada BN.

Ketua pergerakan itu Datuk Seri Shahrizat Jalil menyatakan keyakinan itu bersandarkan isyarat sokongan yang ditunjukkan pengundi wanita hasil kempen tanpa henti yang dilakukan jentera Wanita Umno ke pelusuk Kuala Besut.

"Penerimaan pengundi untuk calon BN kita, khasnya dalam kalangan wanita, nampak begitu baik hasil pendekatan yang dilakukan seperti (kunjungan) rumah ke rumah.

"Kami beri penjelasan kenapa perlu undi BN supaya mereka faham pentingnya mengekalkan kestabilan negara dan dalam masa yang sama melakukan perubahan secara sistematik...umpamanya benteng sungai yang akan dibina...mereka sedar suami dan anak-anak akan mendapat pulangan pendapatan, itu yang buat mereka teruja," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan program ramah bersama media di sini Isnin malam.

Shahrizat berkata adalah mustahak untuk pengundi wanita diberi penjelasan kepentingan kawasan Kuala Besut itu dipimpin parti yang kuat dan selari dengan kerajaan pusat agar memudahkan rakyat mendapat limpahan kemajuan dan bukannya terbelenggu dengan bebanan politik mainan pembangkang.

Dalam pada itu, katanya, jentera Wanita Umno meningkat kepada 1,500 orang ketika ini berbanding 600 pada awal kempen dengan rata-rata mereka turun padang secara sukarela bagi membantu mencapai kejayaan BN.

"Pengundi wanita merangkumi 49.9 peratus daripada jumlah pengundi di sini maka kerana itu kami lipat gandakan jentera kami untuk menyumbang kepada kemenangan parti dan menjadi tunjang utama faktor kejayaan mengekalkan BN di kawasan ini," jelas Shahrizat.

PRK Kuala Besut esok mempertemukan calon BN Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman, 37, seorang jurutera dan anak tempatan dengan calon PAS, Endot@Azlan Yusof, 48, seorang ahli perniagaan.

Kuala Besut mempunyai 17,683 pengundi dan kekosongan kerusi itu berlaku berikutan kematian penyandanginya Dr A. Rahman Mokhtar pada 26 Jun lalu akibat kanser paru-paru.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965373>